

# Dato' Aliff

## MAHU KUKUHKAN JENAMA PRODUK MELALUI BIDANG SENI

Sebut sahaja nama Dato' Aliff, oasi ramai yang mengenali baik dewasa sehinggalah kanak-kanak. Walaupun ada sesetengah pihak memandang sinis dengan cara anak kelahiran Selangor ini dalam mempromosikan produk keluarannya, namun dia tidak kisah jauh sekali berputus asa. Sebaliknya, dia bijak mencari peluang.

Client: Zaiton Akmal Mohd Fadzil / Nuzhatun Nuzhatun

Control no: 0000274974

file name: A/business/2016/BUS2016 AOS.pdf Pg = 90 - 91



"Yang orang nampak hanyalah kejayaan yang saya kecapi kini. Namun, saya tidak mahu mendabik

ada jauh sekali riak dengan apa yang saya peroleh sekarang. Keindahan hari ini bukanlah semudah yang disangka. Ia menuntut banyak pengorbanan. Hanya saya dan keluarga yang mengerti dan melaluinya. Air mata dan apa sahaja hanya kami yang tahu. Disebabkan itulah apa sahaja yang orang mahu katakan, mereka boleh katakan sebabnya tiada siapa tahu peritanya untuk membangunkan sebuah empayar yang besar.

"Kerana itu, saya tidak pernah lupa daripada mana saya datang. Bermula dari pasar malam beralih ke pasar, tani sehinggalah membawa kepada penubuhan syarikat sendiri, banyak onak dan duri yang perlu saya lalui. Ujar Dato Aliff Syukri Kamarzaman tatkala ditemui dalam satu sesi temu ramah baru-baru ini.

Pengasas produk D'Herbs ini memberitahu, setiap peluang yang datang harus dimanfaatkan sepenuhnya untuk dia memperkenalkan produknya sebaik mungkin. Itu merupakan salah satu strategi yang perlu ada pada diri seseorang usahawan yang bijak.

"Untuk berjaya jangan kira apa yang kita ada hari ini dan untuk ada hari esok. Untuk berjaya jangan berkira masa untuk bekerja dan jangan berkira untuk memberi. Kerana apa? Kerana yang kita beri itu tidak akan habis di situ sebaliknya ia adalah saham untuk menjadikan apa yang kita lakukan itu lebih mendapat berkat dari Yang Maha Esa.

"Saya tidak suka memikirkan tentang kata-kata dan pandangan orang luar kerana tidak ada ruginya. Sebaliknya, ini akan membuatkan semakin ramai yang mengenali dan semakin laku produk D'Herbs. Selain persaingan, pengusaha sesebuah bisnis juga harus menerima hakikat bukan semua orang akan suka dengan apa yang kita lakukan. Ini semua

asam garam yang harus dihadapi dan saya sendiri tidak suka beratkan kepala dengan hal remeh.

"Sebaliknya saya lebih suka memikirkan bagaimana cara untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Kritikan dan tahmahan tidak akan menjatuhkan saya sebaliknya kualiti produk dan kepuasan pelanggan itu yang menjadi tonggak utama. Cuma, jika ada yang memberi kritikan yang membina saya akan ambil kira demi kebaikan produk," ulas Dato Aliff lagi.

Terbaru bapa kepada tiga anak ini menerima anugerah gangsa Putra Brand Awards 2016 atas kejayaan pelbagai produknya yang diterima ramai oleh masyarakat. Beliau cukup bersyukur dan berterima kasih dengan pengiktirafan tersebut.

"Bukan mudah untuk berada pada tahap sekarang. Pengiktirafan yang diberikan ini membuatkan saya rasa cukup dihargai kerana produk saya satu-satunya produk tempatan yang dipercayai ramai. Ini adalah pencapaian yang saya sendiri tidak sangka akan memperolehnya.

"Anugerah ini juga merupakan pemangkin dalam menaikkan semangat untuk terus berusaha mencapai kejayaan yang lebih tinggi kelak. Malah, saya memberanikan untuk menceburi bidang lain. Terbaru, saya turut terbabit di dalam beberapa buah rancangan televisyen dan terbaru adalah sama-sama memeriahkan dunia seni lakonan menerusi drama slot Akasia di TV3 iaitu Duda Terajak Laris. Selain itu, saya juga bakal bekerjasama dengan penyanyi Amelina untuk satu album. Begitu pun, saya tidak bermaksud mahu memberi fokus dalam dunia lakonan, sebaliknya ia hanya sekadar sambilan.

"Fokus utama saya ialah masih pada bisnis dan saya melihat ini juga antara platform terbaik untuk saya mengukuhkan lagi jenama saya di persada mata masyarakat. Dan impian saya untuk menjadikan ia produk nombor

satu pilihan pengguna akan saya jadikan ia sebagai satu realiti," jelasnya lagi yang baru melancarkan produk terbaharu ATL berupa pakaian berkolaborasi dengan pelakon Anzalin di dalam mengeluarkan tudung Anzell Scarff.

Dato Aliff juga mengakui biar hanya punyai masa dua jam sehari untuk bersama isteri dan anak-anak, itu sudah memadai dan akan di manfaatkan sepenuhnya.

"Yang penting adalah kualiti dan bukan kuantiti. Walaupun sibuk berkejar ke sana ke mari namun hal anak-anak saya selalu ambil berat. Anak-anak memahami ayah mereka seorang sibuk dan jika ada waktu untuk kami keluar bersama itu adalah masa untuk saya melayan kerenah mereka. Mereka juga tidak diajar untuk hidup bermewah-mewah," ujarnya sambil memberitahu sangat beruntung dan berterima kasih mendapat isteri yang cukup memahami kerjanya dan sentiasa menyokong apa yang dilakukannya.



"Fokus utama saya ialah masih pada bisnis dan saya melihat ini juga antara platform terbaik untuk saya mengukuhkan lagi jenama saya di persada mata masyarakat. Dan impian saya untuk menjadikan ia produk nombor satu pilihan pengguna akan saya jadikan ia sebagai satu realiti."

Business - Entrepreneurs